

## UMS Color Run Meriahkan Sambutan Hari Malaysia

Terakhir dikemaskini: Rabu, 26 September 2018 19:57 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 197

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**RABU, 26 SEPTEMBER** - Hampir 600 peserta menyertai UMS Color Run 2018 anjuran Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS (PSA) dengan sokongan Pusat Pengajian Pascasiswazah dan kerjasama Pusat Pengurusan EcoCampus UMS baru-baru ini.

Larian sejauh lima kilometer itu menyaksikan penyertaan rata-rata terdiri daripada orang awam sekitar UMS dan peserta dari luar Kota Kinabalu.

Selain diisi dengan acara larian, program yang dianjurkan bersempena dengan sambutan Hari Malaysia itu turut dimeriahkan lagi dengan acara simbolik penanaman pokok, cabutan tiket bertuah, dan percikan serbuk warna.

Majlis perasmianya disempurnakan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof. Dr. Hajah Arsiah Haji Bahron menerusi gimik penanaman pokok sebelum acara pelepasan larian dilakukan.

Dalam pada itu, Pengarah Program, Mohd Norfadli berkata, keputusan untuk menggunakan serbuk warna dalam program sambutan Hari Malaysia 2018 adalah satu gambaran terhadap elemen rakyat Malaysia yang berasal dari kepelbagaiannya kaum dan etnik dengan adat dan kepercayaan agama yang berbeza.

“Warna-warni yang terhasil ini menjadikan baju putih yang dipakai oleh para peserta menjadi kelihatan lebih menarik bila terkena percikan warna yang merupakan gabungan warna yang terdapat pada Jalur Gemilang,” katanya.

Penasihat Program, Dr. Jakaria Dasan pula berkata, objektif utama program tersebut bukan sahaja untuk menggalakkan cara hidup sihat menerusi aktiviti sukan, tetapi juga untuk mewujudkan satu komuniti yang sentiasa hidup harmoni dan ceria sesama mereka.

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar) Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS memberitahu objektif itu dicapai apabila hadiah-hadiah cabutan tiket bertuah adalah merupakan sayur-sayuran, buah-buahan, telur, ikan, dan ayam.

Dalam nada yang sama, Prof. Dr. Hajah Arsiah juga menekankan bahawa sudah tiba masanya aktiviti-aktiviti cara hidup sihat itu bukan sahaja menanam sikap untuk memenangi sesebuah pertandingan semata-mata, sebaliknya

memastikan agar acara seumpama itu dijadikan medan untuk mengeratkan ikatan kekeluargaan dan meningkatkan rangkaian kenalan dalam kalangan anggota masyarakat.

Larian yang memerlukan para peserta menempuh laluan di persekitaran UMS yang berbukit menyaksikan Zulhajjia Alwi muncul sebagai pemenang bagi kategori lelaki, Hasrin Herma di tempat kedua dan Vilvin Alex mendapat tempat ketiga.

Bagi kategori wanita pula, Darlina Matius memenangi tempat pertama, disusuli Liza Suriana Peter di tempat kedua, dan Mimi Udi di tempat ketiga.

Sumber: Dr. Jakaria Dasan